



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

PANDUAN PENDAFTARAN CUKAI PELANCONGAN

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: 16 Ogos 2017.

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2017 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

Penolakan Tuntutan

Maklumat ini bertujuan memberi kefahaman umum tentang layanan berkenaan Cukai Pelancongan dan memberi pemahaman yang lebih baik tentang kewajipan pembayar cukai. Ia bukannya bertujuan untuk mengemukakan pelbagai permasalahan percukaian yang mungkin timbul. Walaupun JKDM telah mengambil semua inisiatif bagi memastikan maklumat yang terkandung dalam Panduan ini adalah tepat, JKDM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dan ketidaktepatan atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Kesemua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN	4
Cukai Pelancongan (TTx) Secara Umum	4
DEFINISI	5
Pelancong.....	5
Premis Penginapan	6
Pengendali.....	6
SIAPAKAH YANG PERLU BERDAFTAR?.....	6
PENGECUALIAN DARIPADA BERDAFTAR	7
RANTAIAN PREMIS PENGINAPAN.....	8
KADAR CUKAI PELANCONGAN	9
CARA UNTUK BERDAFTAR	9
TANGGUNGAN PENGENDALI UNTUK BERDAFTAR SEBELUM TARIKH EFEKTIF CUKAI PELANCONGAN	10
TANGGUNGAN PENGENDALI UNTUK BERDAFTAR SELEPAS TARIKH EFEKTIF CUKAI PELANCONGAN	10
TARIKH KUATKUASA PENDAFTARAN.....	11
TEMPOH BERCUKAI	11
KUASA KETUA PENGARAH UNTUK MENDAFTARKAN PENGENDALI	11
PENDAFTARAN LEWAT	12
PEMBERITAHUAN KELULUSAN PENDAFTARAN.....	12
TANGGUNGJAWAB PENGENDALI YANG BERDAFTAR	12
PERUBAHAN MAKLUMAT PENGENDALI	13
PEMBATALAN PENDAFTARAN	14
MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN	14
MAKLUMAT LANJUT	15
PINDAAN.....	16

PENGENALAN

1. Panduan ini memberi penerangan berhubung keperluan dan prosedur untuk berdaftar di bawah seksyen 10 dan 11 Akta Cukai Pelancongan 2017 (TTA). Adalah dicadangkan bahawa anda membaca Panduan Umum Cukai Pelancongan sebelum membaca panduan ini supaya anda lebih memahami konsep TTx secara umum.

Cukai Pelancongan (TTx) Secara Umum

2. Pelaksanaan TTx diperuntukkan di bawah undang-undang berikut:
 - a) Akta Cukai Pelancongan 2017 (TTA);
 - b) Peraturan-Peraturan Cukai Pelancongan 2017 (TTR);
 - c) Perintah Cukai Pelancongan (Kadar Cukai) 2017;
 - d) Cukai Pelancongan (Pengecualian) 2017; dan
 - e) Penetapan Tarikh Permulaan Kuatkuasa Perintah Operasi 2017
3. TTx adalah cukai yang dikenakan dan dilevi ke pelancong yang menginap di mana-mana premis penginapan yang disediakan oleh pengendali penginapan pada kadar yang ditetapkan oleh Menteri selaras dengan peruntukan Seksyen 8 Akta Cukai Pelancongan 2017.
4. Pelancong asing bertanggungjawab untuk membayar cukai pelancongan kepada pengendali, selaras dengan peruntukan Seksyen 6(2) Akta Cukai Pelancongan 2017.
5. Kewajipan untuk memungut cukai pelancongan dan membayar cukai tersebut kepada Ketua Pengarah Kastam adalah menjadi tanggungjawab pengendali penginapan, selaras dengan peruntukan Seksyen 7 Akta Cukai Pelancongan 2017
6. Jika terdapat lebih daripada seorang pelancong yang menginap di hotel yang sama, pada masa yang sama dan cukai pelancongan telah dibayar oleh salah seorang

daripada kumpulan pelancong berkenaan, pelancong lain yang menginap di hotel yang sama, pada masa yang sama tidak bertanggungjawab untuk membayar cukai pelancongan penginapan itu.

DEFINISI

Pelancong

7. Pelancong ertinya mana-mana orang, sama ada dia ialah seorang warganegara Malaysia atau selainnya, yang melawat mana-mana tempat di dalam Malaysia untuk apa-apa maksud yang berikut, iaitu —
- a) keseronokan, rekreasi atau percutian;
 - b) kebudayaan;
 - c) agama;
 - d) melawat kawan atau saudara-mara;
 - e) sukan;
 - f) perniagaan;
 - g) mesyuarat, persidangan, seminar atau konvensyen;
 - h) pengajian atau penyelidikan;
 - i) apa-apa maksud lain yang tidak berhubungan dengan suatu pekerjaan yang mendapat saraan daripada tempat dilawati itu;

Contoh 1:

Seorang pengurus warga asing di Hotel Azalea yang diberi kemudahan penginapan bilik sebagai satu syarat menjalankan tugasnya tidak dianggap sebagai seorang pelancong.

Premis Penginapan

8. Premis penginapan ertinya mana-mana bangunan, termasuk asrama, hotel, rumah inapan, rumah tumpangan, rumah rehat dan rumah pemalaman, yang dikemukakan oleh tuan punya, pemunya atau pengurusnya, sama ada keseluruhan atau sebahagiannya, sebagai menawarkan tempat penginapan pemalaman atau tempat tidur kepada pelancong untuk disewa atau dengan balasan apa-apa bentuk ganjaran yang lain, sama ada makanan atau minuman juga disediakan atau tidak seperti yang diperuntukan di bawah subseksyen 2(1) Akta Industri Pelancongan 1992.
9. Premis penginapan pelancong ertinya mana-mana premis penginapan yang telah didaftarkan oleh Pesuruhjaya di bawah subseksyen 31C(1) sebagai premis penginapan pelancong.
10. Adalah menjadi tanggungjawab pengendali yang menyediakan penginapan kepada pelancong di sebuah premis penginapan untuk memungut cukai pelancongan dari pelancong dan membayar cukai pelancongan yang dikumpulkan kepada JKDM.

Pengendali

11. Pengendali ertinya mana-mana orang yang mengendalikan premis penginapan

SIAPAKAH YANG PERLU BERDAFTAR?

12. Mana-mana orang yang mengendalikan dan menyediakan premis penginapan sebanyak 5 buah bilik dan ke atas kepada pelancong bagi tujuan perniagaan adalah dikehendaki berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017.
13. Premis penginapan mempunyai erti yang dinyatakan dalam subseksyen 2(1) Akta Industri Pelancongan 1992 adalah mana-mana bangunan, termasuk:
 - a) asrama;
 - b) hotel;

- c) rumah inapan;
- d) rumah tumpangan;
- e) rumah rehat; dan
- f) rumah pemalaman,

yang dikemukakan oleh tuan punya, pemunya atau pengurusnya, sama ada keseluruhan atau sebahagiannya, sebagai menawarkan tempat penginapan pemalaman atau tempat tidur kepada pelancong untuk disewa sama ada makanan atau minuman juga disediakan atau tidak.

PENGECUALIAN DARIPADA BERDAFTAR

14. Pengendali yang menyediakan premis penginapan berikut dikecualikan daripada pendaftaran di bawah Cukai Pelancongan (Pengecualian) 2017 dan tidak tertakluk kepada cukai pelancongan:
- a) *Homestay* yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK);
 - b) *KampungStay* yang berdaftar dengan MOTAC;
 - c) Premis penginapan hakmilik Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau badan berkanun untuk tujuan latihan, pendidikan atau penginapan tetapi bukan untuk tujuan komersial;

Contoh 2:

Premis penginapan diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri seperti:

- *Rumah Peranginan Persekutuan (Premier)*
- *Rumah Peranginan Persekutuan (Eksekutif)*
- *Rumah Transit (RT)*

- d) Premis penginapan yang ditubuhkan dan diselenggara oleh institusi atau badan agama yang tidak digunakan bagi tujuan komersial dan telah didaftarkan di bawah undang-undang bertulis; atau
 - e) Premis penginapan yang memiliki kurang daripada 5 buah bilik.
15. Menteri mempunyai kuasa untuk memberi pengecualian kepada mana-mana orang di bawah seksyen 9 Akta Cukai Pelancongan 2017:
- a) Mengecualikan mana-mana pelancong atau golongan pelancong daripada pembayaran keseluruhan atau apa-apa bahagian cukai pelancongan;
 - b) mengecualikan mana-mana pengendali atau golongan pengendali daripada memungut keseluruhan atau apa-apa bahagian cukai pelancongan; atau
 - c) mengecualikan mana-mana pengendali atau golongan pengendali daripada kehendak untuk bendaftar.


RANTAIAN PREMIS PENGINAPAN

16. Premis penginapan sama ada mempunyai premis tunggal atau mempunyai cawangan yang memiliki lebih daripada 5 buah bilik bagi setiap cawangan dikehendaki untuk berdaftar secara berasingan.

Contoh 3:

Hotel Zalea mempunyai 3 buah rangkaian hotel masing-masing di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Labuan. Hotel di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang mempunyai 25 buah bilik penginapan manakala hotel di Labuan mempunyai 8 buah bilik sahaja. Oleh itu, semua hotel di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Labuan perlu didaftarkan secara berasingan bagi pelaksanaan cukai pelancongan.

CARTA ALIRAN PENENTUAN PENDAFTARAN TTx



KADAR CUKAI PELANCONGAN

17. Kadar cukai yang dikenakan ke atas premis penginapan ditetapkan pada kadar **RM10** sebilik semalam. Kadar juga terpakai untuk inapan sebahagian hari.

CARA UNTUK BERDAFTAR

18. Permohonan pendaftaran dikemukakan **secara atas talian** dengan menggunakan Borang TTx-01 yang berserta panduan mengisinya boleh didapati di laman sesawang www.myttx.gov.my.
19. Permohonan untuk berdaftar secara bertulis ke mana-mana stesen JKDM adalah


tidak diterima. Walaubagaimanapun, maklumat dan informasi mengenai tatacara permohonan boleh diperolehi di stesen-stesen.

TANGGUNGAN PENGENDALI UNTUK BERDAFTAR SEBELUM TARIKH EFEKTIF CUKAI PELANCONGAN

20. Bagi pengendali yang mengendalikan premis penginapan sedia ada atau sebelum tarikh efektif Cukai Pelancongan, dikehendaki mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 30 hari daripada tarikh efektif Cukai Pelancongan selaras dengan peruntukan seksyen 11(1) Akta Cukai Pelancongan 2017.

Contoh 4:

*Premis penginapan XYZ Hotel telah beroperasi bermula 1 April 2015. Tarikh efektif Cukai Pelancongan adalah pada 1 September 2017. Hotel berkenaan perlu mengemukakan permohonan pendaftaran **Cukai Pelancongan mulai 1 Ogos 2017 sehingga 30 Ogos 2017.***




TANGGUNGAN PENGENDALI UNTUK BERDAFTAR SELEPAS TARIKH EFEKTIF CUKAI PELANCONGAN

21. Bagi pengendali yang mengendalikan premis penginapan selepas tarikh efektif Cukai Pelancongan, permohonan pendaftaran perlu dikemukakan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh pengendali mengendalikan premis penginapan selaras dengan peruntukan seksyen 10(2) Akta Pelancongan 2017.

Contoh 5:

Premis penginapan XYZ Hotel beroperasi mulai 25 April 2018. Hotel berkenaan perlu mengemukakan permohonan pendaftaran Cukai Pelancongan mulai 26

April 2018 sehingga 24 Mei 2018. Jika penginapan XYZ memohon pendaftaran pada 27 April 2018 tarikh kuatkuasa pendaftaran adalah pada 1.5.2018.



TARIKH KUATKUASA PENDAFTARAN

22. Tarikh kuat kuasa pendaftaran adalah pada hari pertama bulan berikutnya selepas permohonan dikemukakan selaras dengan kuasa Ketua Pengarah untuk mendaftarkan pengendali.

Contoh 6:

ABC Resort mengemukakan permohonan untuk berdaftar pada 18 November 2017. Tarikh kuat kuasa pendaftaran adalah pada 1 Disember 2017.

TEMPOH BERCUKAI

23. Bagi pelaksanaan Cukai Pelancongan, pengendali yang berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) 2017, selaras dengan peruntukan seksyen 18(2) Akta Pelancongan 2017 pengendali akan diberikan tempoh bercukai yang sama seperti tempoh bercukai CBP. Manakala pengendali yang tidak berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) 2014 akan diberikan tempoh bercukai selama tiga bulan di bawah seksyen 18(1) Akta Cukai Pelancongan 2017.

KUASA KETUA PENGARAH UNTUK MENDAFTARKAN PENGENDALI

24. Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mendaftarkan mana-mana pengendali yang memohon, tidak memohon atau yang berdaftar sebagai premis penginapan pelancong di bawah seksyen 31C Akta Industri Pelancongan 1992 di bawah subseksyen 12(2)(b) Akta Cukai Pelancongan 2017. Tarikh kuatkuasa adalah pada

hari pertama bulan berikutnya selepas maklumat diketahui atau diberitahu kepada Ketua Pengarah.

PENDAFTARAN LEWAT

25. Mana-mana pengendali yang gagal mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh yang ditetapkan, selaras dengan seksyen 10(3) Akta Cukai Pelancongan 2017 jika disabitkan kesalahan, pengendali akan dikenakan denda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.
26. Mana-mana pengendali yang gagal mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh yang ditetapkan, selaras dengan seksyen 11(2) Akta Cukai Pelancongan 2017 jika disabitkan kesalahan, pengendali akan dikenakan denda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

PEMBERITAHUAN KELULUSAN PENDAFTARAN

27. Pengendali akan diberi sijil kelulusan dan nombor pendaftaran Cukai Pelancongan selaras dengan peruntukan Peraturan 3 Peraturan-Peraturan Cukai Pelancongan 2017.
28. Dokumen dan maklumat berkenaan boleh dimuat turun melalui akaun orang berdaftar cukai pelancongan yang akan diwujudkan setelah kelulusan diberi.

TANGGUNGJAWAB PENGENDALI YANG BERDAFTAR

29. Setiap pengendali perlu mematuhi syarat-syarat di bawah perundangan Cukai Pelancongan seperti berikut:
 - a) Menyediakan penginapan kepada seseorang pelancong di suatu premis penginapan untuk memungut cukai pelancongan daripada pelancong tersebut (selain warganegara Malaysia dan Pemastautin Tetap yang memegang Kad MyPR);

- b) Pengendali hendaklah memaparkan sijil kelulusan di tempat yang mudah dilihat di tempat perniagaannya;
- c) Mengakau cukai pelancongan yang dipungut;
- d) Menghantar penyata Cukai Pelancongan (TTx-03) dan membayar cukai tidak lewat dari hari terakhir bulan berikutnya selepas tempoh bercukai berkenaan;
- e) Mengeluarkan invois cukai, resit atau dokumen lain termasuklan pesanan tempatan dan penyata akaun yang menyatakan kadar dan amaun cukai pelancongan yang perlu dibayar kepada pelancong;
- f) Memaklumkan pihak Kastam tentang tarikh terhentinya mengendalikan premis penginapan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh terhentinya mengendalikan premis penginapan;
- g) Memaklumkan pihak Kastam jika berlaku perubahan nama perniagaan, pertukaran alamat premis penginapan, dan perubahan status perniagaan; dan
- h) Menyimpan rekod yang mencukupi bagi semua transaksi perniagaan yang berkaitan dengan Cukai Pelancongan dalam bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris untuk tempoh tujuh tahun.

PERUBAHAN MAKLUMAT PENGENDALI

30. Selaras dengan peruntukan dibawah Peraturan 5 Peraturan-Peraturan Cukai Pelancongan 2017, pengendali hendaklah memaklumkan pihak Kastam secara elektronik apabila berlaku:
- a) perubahan nama perniagaan;
 - b) pertukaran alamat premis penginapan;
 - c) perubahan status perniagaan;
 - d) perubahan pengelasan premis penginapan; atau
 - e) perubahan bilangan bilik premis penginapan.

31. Pemakluman perubahan hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari daripada tarikh perubahan berlaku dengan mengemaskini maklumat secara atas talian di akaun MyTTx orang berdaftar.
32. Mana-mana pengendali yang gagal memaklumkan perubahan merupakan suatu kesalahan dibawah butiran sama.

PEMBATALAN PENDAFTARAN

33. Sekiranya pengendali berhenti mengendalikan premis penginapan di bawah seksyen 13 atau dikecualikan di bawah seksyen 9 Akta Cukai Pelancongan 2017, pengendali hendaklah memberitahu secara bertulis kepada Ketua Pengarah dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh pemberhentian atau pengecualian mengendalikan premis penginapan.
34. Pemberitahuan berkenaan hendaklah dibuat secara atas talian melalui akaun MyTTx.
35. Bagi mana-mana premis penginapan yang bercadang untuk memulakan perniagaan semula setelah dibatalkan, atau tidak lagi tertakluk di bawah pengecualian pendaftaran, permohonan pendaftaran baru hendaklah dibuat.

MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN

36. Sebarang maklum balas dan pertanyaan hendaklah dihantar ke:

a) Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 4, Blok A, Menara Tulus,

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3, 62100 Putrajaya.

Emel: enquiry.tourismtax@customs.gov.my.

b) Pusat Pemprosesan Cukai Pelancongan

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Kompleks Kastam WPKL,

22, Jalan SS 6/3 Kelana Jaya,

47301 Petaling Jaya.

Emel: gpc@customs.gov.my

MAKLUMAT LANJUT

37. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

a) Laman Web TTx : www.myttx.customs.gov.my

b) Pusat Panggilan Kastam :

Tel : 1-300-888-500

Faks : 03- 7806 7599

E-mel : ccc@customs.gov.my

PINDAAN

Bil	Tarikh	Kepala/ Sub-kepala/ Perenggan	Deskripsi
1.	16.08.2017	Contoh 3	Susun semula ayat